

e-Buletin JSKM

EDISI
APRIL
2026

INFORMASI • INSPIRASI • IMPIAN



Menyemai Harapan, **MENYANTUNI PEJUANG KECIL**

Menghubungkan ilmu, empati dan tanggungjawab sosial dalam menyantuni kanak-kanak pesakit kanser.

“ Saya percaya bahawa ilmu akan lebih bermakna apabila ia mampu menyentuh kehidupan dan membawa harapan kepada mereka yang memerlukan. ”

- Siti Asmah Mohamed -

MAJLIS
APRESIASI JSKM
2026

Laporan

RAFAH YANG
DIRATAH TIDAK
PERNAH PUNAH

Puisi

MENELUSURI
PASIR DAN
KABUS BROMO

Perkongsian

eISSN 2637-0077



9 772637 007004

صَوْمِ رَسُولِ اللَّهِ

PUASA PADA ZAMAN RASULULLAH ﷺ

Oleh: Farah Hayati Mustapa & Arifah Fasha Rosmani

Ibadah puasa telah difardukan pada tahun ke-2 Hijrah, iaitu selepas peristiwa hijrah Nabi Muhammad ﷺ dari Makkah ke Madinah. Perintah puasa diturunkan melalui firman Allah dalam Surah al-Baqarah ayat 183:

“Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertakwa.”

Pada awalnya, umat Islam diberi pilihan sama ada berpuasa atau membayar fidyah (memberi makan orang miskin). Kemudian hukum itu dimansuhkan dan puasa Ramadan menjadi wajib bagi yang mampu.

Pada awal kewajipan puasa, peraturannya agak berbeza daripada sekarang. Jika seseorang sudah tidur selepas waktu berbuka, dia tidak boleh lagi makan atau minum sehingga ke malam berikutnya. Seorang sahabat Nabi bernama Qais bin Sirmah (ada riwayat menyebut Qais bin Sarmah) bekerja keras di kebunnya pada siang hari dalam keadaan berpuasa. Apabila tiba waktu berbuka, beliau pulang ke rumah dan meminta makanan daripada isterinya. Namun sementara isterinya menyediakan makanan, beliau tertidur kerana terlalu letih.

Maka Qais terpaksa meneruskan puasa keesokan harinya tanpa makan dan minum selepas berbuka malam sebelumnya. Akibat terlalu lemah, beliau akhirnya pengsan pada siang hari. Melihat keadaan itu, Allah menurunkan ayat dalam Surah al-Baqarah ayat 187 yang memberi keringanan:

“Dihalalkan bagi kamu pada malam hari puasa bercampur dengan isteri-isteri kamu... dan makan serta minumlah sehingga jelas bagi kamu benang putih (fajar) daripada benang hitam (malam).”

Sejak itu, umat Islam dibenarkan makan dan minum sepanjang malam sehingga masuk waktu Subuh. Ini menunjukkan bahawa syariat Islam itu penuh rahmat dan tidak membebankan.



Peristiwa Penting Dalam Bulan Ramadan

Beberapa peristiwa besar berlaku dalam bulan Ramadan pada zaman Rasulullah ﷺ:

- Penurunan al-Quran kali pertama (17 Ramadan 610 Masihi)
- Perang Badar (Tahun ke-2 Hijrah bersamaan 624 Masihi)
- Pembukaan Kota Makkah (Tahun ke-8 Hijrah bersamaan 630 Masihi)

Perang Badar dalam Bulan Ramadan

Perang Badar berlaku pada 17 Ramadan tahun ke-2 Hijrah. Ketika itu, umat Islam baru sahaja diwajibkan berpuasa. Tentera Islam seramai kira-kira 313 orang berhadapan dengan tentera Quraisy hampir 1,000 orang. Mereka bukan sahaja sedikit dari segi jumlah, malah kekurangan senjata dan kelengkapan. Malah, lebih mencabar lagi, mereka sedang berpuasa.

Berpuasa atau Berbuka?

Dalam perjalanan ke Badar, Rasulullah ﷺ memberi pilihan kepada para sahabat sama ada mahu terus berpuasa atau berbuka kerana mereka dalam keadaan musafir dan bakal menghadapi peperangan. Ada sahabat yang terus berpuasa. Ada juga yang berbuka untuk mendapatkan tenaga. Rasulullah ﷺ sendiri akhirnya berbuka supaya memberi kekuatan kepada tentera Islam. Ini menunjukkan bahawa Islam itu fleksibel dan memberi rukhsah (keringanan) ketika darurat atau kesukaran.

Pertolongan Allah

Walaupun dalam keadaan berpuasa dan serba kekurangan, tentera Islam memperoleh kemenangan besar. Allah menurunkan bantuan malaikat untuk meneguhkan hati orang-orang beriman. Kemenangan ini sangat penting kerana:

- Ia menguatkan kedudukan Islam di Madinah
- Meningkatkan semangat umat Islam
- Membuktikan pertolongan Allah datang kepada orang yang sabar dan bertakwa

Azan Subuh

Pada zaman Nabi ﷺ, ada 2 kali azan:

- Azan pertama oleh Bilal bin Rabah – untuk mengejutkan orang bangun sahur.
- Azan kedua oleh Abdullah bin Umm Maktum – menandakan masuk waktu Subuh dan bermulanya puasa.

Dalilnya ialah hadith Nabi ﷺ: Daripada Salim daripada bapanya bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: “Sesungguhnya Bilal melaungkan azan pada waktu malam (sebelum terbit fajar), maka makan dan minumlah hingga kamu mendengar azan Ibn Ummi Maktum.” (Bukhari dan Muslim).

Puasa Nabi Muhammad ﷺ

Rasulullah ﷺ sangat menjaga puasa Ramadan dan banyak bersedekah ketika Ramadan. Rasulullah ﷺ bertadarus al-Quran bersama Malaikat Jibril setiap malam Ramadan dan melakukan iktikaf pada 10 malam terakhir. Baginda juga berbuka dengan kurma dan air serta bersederhana dalam makan.



اَبُو بَكْرٍ مَرْكُومٌ
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

Unit Penerbitan e-Buletin
Jabatan Sains Komputer dan Matematik
UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh
Pulau Pinang

eISSN 2637-0077



9 772637007004